

**PILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN GENERASI
MUDA MURUT**



WONG MEE MEE

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN GENERASI
MUDA MURUT**

WONG MEE MEE



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN GENERASI MUDA MURUT**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **LINGUISTIK**


Saya **WONG MEE MEE**, Sesi **2020-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

<input type="checkbox"/>	SULIT
<input type="checkbox"/>	TERHAD
<input type="checkbox"/>	/
	TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)




WONG MEE MEE
MU1921012T

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh : 3 November 2022


(Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana Sastera ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

13 September 2022



Wong Mee Mee

MU1921012T



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **WONG MEE MEE**
NO MATRIK : **MU1921012T**
TAJUK : **PILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN
GENERASI MUDA MURUT**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **LINGUISTIK**
TARIKH VIVA : **13 SEPTEMBER 2022**



DISAHKAN OLEH;
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali

2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Aishah Tamby Omar

PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran kajian dan penulisan tesis ini akhirnya dapat dilengkapkan. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tesis ini tidak akan disiapkan tanpa bantuan daripada penyelia, rakan-rakan dan keluarga saya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya yang amat berdedikasi PM. Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Dr. Aishah Tamby Omar. Selaku penyelia saya, bimbingan dan nasihat yang telah diberikan kepada saya sepanjang penyelidikan ini dijalankan amat saya hargai. Kesabaran penyelia-penyelia dalam memberi tunjuk ajar dan ilmu yang telah dikongsikan akan saya manfaatkan dan teruskan semangat ini untuk menerokai bidang kebahasaan.

Mengambil kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang membantu saya dalam menyebarkan borang soal selidik dalam proses pengumpulan data. Saya berterima kasih juga kepada remaja-remaja yang membantu dalam proses temu bual serta pengisian borang soal selidik. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada pegawai PPD Keningau yang membantu memperoleh data pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di daerah Keningau. Cikgu-cikgu yang terlibat dalam memberi data pelajar dan sokongan moral mereka kepada saya amat dihargai. Akhir sekali, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya sepanjang pengajian di Universiti Malaysia Sabah agar saya dapat menyempurnakan penyelidikan ini. Sekian, terima kasih.

Wong Mee Mee

13 September 2022

ABSTRAK

Etnik Murut merupakan salah satu suku kaum peribumi di negeri Sabah. Etnik Murut juga merupakan etnik yang ketiga besar selepas etnik Kadazandusun dan etnik Bajau. Dengan kemunculan Dialek Melayu Sabah (DMS), terdapat interaksi dan hubungan istimewa antara DMS dengan bahasa-bahasa yang dituturkan oleh etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah termasuk etnik Murut. Tesis ini bertujuan untuk menyelidik pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda Murut di Sabah. Kajian ini mengaplikasikan teori pilihan bahasa Fishman (1972) mengenai domain bahasa yang mempengaruhi pemilihan bahasa. Tiga domain pilihan bahasa telah diberi perhatian dalam kajian ini iaitu domain keluarga, persahabatan dan pendidikan. Borang soal selidik yang diagihkan juga menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi corak pemilihan dan penggunaan bahasa Murut dalam kalangan generasi muda etnik Murut. Bahagian temu bual pula mengubahsuaikan Senarai 100 Kata Swadesh dalam bentuk soalan untuk menguji kefasihan bahasa Murut serta tahap penguasaan bahasa Murut dalam kalangan generasi muda etnik Murut. Data kuantitatif diperoleh melalui tinjauan soal selidik, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual bersemuka dan pemerhatian. Seramai tiga puluh tujuh responden dipilih berdasarkan kaedah pensampelan berstrata dan sepuluh orang responden ditemu bual. Hasil kajian mendapati bahawa DMS telah memperoleh peratusan yang tinggi dalam domain persahabatan dan hal ini secara langsung berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya jika dibandingkan dengan domain keluarga dan domain pendidikan. Hal ini juga selari dengan faktor mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa ibunda generasi muda etnik Murut yang pertama iaitu, pergaulan harian yang berbeza mengikut individu berlainan yang mereka bertemu.

ABSTRACT

LANGUAGES CHOICES AMONG THE YOUNG GENERATION OF THE MURUT ETHNIC

The Murut ethnic is one of the indigenous tribes in Sabah; is the third largest ethnic group after the Kadazandusun and the Bajau ethnic groups. In addition to the emergence of the Sabah Malay Dialect, there is a special interaction and relationship between Sabah Malay Dialect with the languages spoken by the ethnic groups in Sabah, including the Murut ethnic group. This research was conducted to investigate the language choice among the young generation of Murut in Sabah. This study applies Fishman's theory of language choices (1972), which is about the language domains that influence language choices. Three domains of language choices were given attention in this study which are the domains of family, friendship and education. The questionnaire analysed the factors that influenced the pattern of selection and use of the Murut language among the young generation of the Murut. The interview was based on a modified version of the 100 Swadesh List in the form of questions to test the fluency of the Murut language as well as the level of mastery of the Murut language among the young generation. Quantitative data were obtained through survey questionnaires, while qualitative data were obtained through interviews and observations. A total of thirty-seven respondents were selected based on stratified sampling method and ten respondents were interviewed. The results of the study were DMS has acquired a high percentage in the friendship domain and this is directly related to peer influence when compared to the family domain and education domain. This also reflects the factors influencing the change in the use of the mother tongue among the young generation of the first Murut ethnic, which differs based on their encounters with different individuals in their daily interactions.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Kajian Bahasa di Sabah	2
1.3 Latar Masyarakat Murut	4
1.4 Latar Lokasi Kajian	5
1.5 Permasalahan Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	10
1.7 Objektif Kajian	10
1.8 Kerangka Kajian	10
1.9 Definisi Konsep	12
1.9.1 Pilihan Bahasa	12
1.9.2 Generasi Muda	13
1.9.3 Etnik Murut	14
1.10 Batasan Kajian	14
1.11 Kepentingan Kajian	16
1.12 Kesimpulan	17

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	19
2.2	Ulasan Terhadap Kajian Lepas	19
	2.2.1 Teori Pilihan Bahasa Fishman (1972)	20
	2.2.2 Faktor Penentu Pilihan Bahasa (Saville-Troike, 1991)	26
2.3	Ulasan Keseluruhan Literatur	29
2.4	Kesimpulan	32

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Pendekatan Kuantitatif	34
3.3	Pendekatan Kualitatif	35
3.4	Populasi dan Pensampelan	35
	3.4.1 Teknik Pensampelan	35
	3.4.2 Saiz Pensampelan	36
	3.4.3 Taburan Responden	38
3.5	Instrumen Kajian	40
3.6	Kajian Rintis	41
3.7	Analisis Pendekatan Kuantitatif Untuk Kajian Rintis	43
	3.7.1 Faktor-faktor Perubahan Bahasa Ibunda Kepada Dialek Melayu Sabah (DMS)	44
	3.7.2 Pilihan Bahasa Mengikut Domain Bahasa	48
3.8	Analisis Pendekatan Kualitatif Untuk Kajian Rintis	52
	3.8.1 Temu Bual	52
3.9	Pengumpulan Data	57
3.10	Analisis Data	58
3.11	Kesimpulan	59

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Data Kajian	61
	4.2.1 Kefahaman Penggunaan Bahasa Murut Dalam Kalangan Generasi Muda Murut	61

4.2.2	Pemilihan Bahasa Dalam Kalangan Generasi Muda Murut	64
4.2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Corak Pemilihan Dan Penggunaan Bahasa Murut Dalam Kalangan Generasi Muda Etnik Murut	67
4.3	Kesimpulan	82
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	83
5.2	Perbincangan	83
5.2.1	Apakah kosa kata bahasa Murut yang sering digunakan oleh penutur bahasa Murut	84
5.2.2	Adakah penggunaan bahasa ibunda generasi muda etnik Murut terjejas	87
5.2.3	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda Murut khususnya terhadap bahasa ibunda mereka	88
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	89
5.3.1	Kefahaman Penggunaan Bahasa Murut Dalam Kalangan Generasi Muda Murut	89
5.3.2	Pemilihan Bahasa Dalam Kalangan Generasi Muda Murut	90
5.3.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Corak Pemilihan Dan Penggunaan Bahasa Murut Dalam Kalangan Generasi Muda Etnik Murut	92
5.4	Implikasi Kajian	93
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.6	Kesimpulan	96
RUJUKAN		98
LAMPIRAN		105

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Saiz Sampel mengikut Pengiraan Pensampelan Berstrata	37
Jadual 3.2 : Taburan Responden Kajian mengikut Umur	38
Jadual 3.3 : Taburan Responden Kajian mengikut Jantina	39
Jadual 3.4 : Populasi Pelajar Etnik Murut mengikut Sekolah dan Tingkatan	39
Jadual 3.5 : Saiz Sampel mengikut Sekolah	40
Jadual 3.6 : Nilai Cronbach's Alpha dan Ketekalan Dalaman	44
Jadual 3.7 : Faktor-Faktor Perubahan Bahasa Ibunda Kepada Dialek Melayu Sabah Generasi Muda Murut	44
Jadual 3.8 : Nilai Cronbach's Alpha Mengikut item-item	46
Jadual 3.9 : Min dan Sisihan Piawai Item-item Soalan	46
Jadual 3.10 : Skala Kekuatan Kolerasi	47
Jadual 3.11 : Statistik Jumlah Item	48
Jadual 3.12 : Kerangka Vitaliti Dan Keterancaman Bahasa UNESCO (2011)	49
Jadual 3.13 : Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Keluarga	50
Jadual 3.14 : Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Persahabatan	50
Jadual 3.15 : Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Pendidikan	51
Jadual 3.16 : Soalan-soalan Set Borang Temu Bual	53
Jadual 3.17 : Perbandingan Kosa Kata BMS dan DMS	55

Jadual 3.18	: Perbandingan Kosa Kata BMS, DMS, dan Bahasa Murut	56
Jadual 4.1	: Perbandingan Kosa Kata BMS dan DMS	62
Jadual 4.2	: Perbandingan Kosa Kata BMS, DMS, dan Bahasa Murut	63
Jadual 4.3	: Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Keluarga	65
Jadual 4.4	: Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Persahabatan	66
Jadual 4.5	: Peratusan Pemilihan Bahasa Bagi Domain Pendidikan	66
Jadual 4.6	: Nilai Cronbach's Alpha Mengikut item-item	68
Jadual 4.7	: Min dan Sisihan Piawai Item-item Soalan	68
Jadual 4.8	: Matriks Kolerasi Inter-Item	71
Jadual 4.9	: Statistik Jumlah Item	72
Jadual 4.10	: Peratusan Pemilihan Item-item Soalan	74
Jadual 5.1	: Perbandingan Kosa Kata mengikut Kategori	84
Jadual 5.2	: Kosa Kata BMS mengikut Kategori	86
Jadual 5.3	: Domain-domain Pemilihan Bahasa	87

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian	11
Rajah 4.1 : Taburan Peratusan Analisis Item-item Soalan	73



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL


r	-	Kolerasi
α	-	Nilai Cronbach's Alpha



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- DMS** - Dialek Melayu Sabah
- BMS** - Bahasa Melayu Standard
- PT3** - Pentaksiran Tingkatan 3
- SPM** - Sijil Peperiksaan Malaysia
- UNESCO** - *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
- FGD** - *Focus Group Discussion*
- KPM** - Kementerian Pendidikan Malaysia
- SPSS** - *Statistical Package for Social Sciences*
- BIL** - Bilangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik	105
Lampiran B : Soalan Ubahsuai daripada Senarai 100 Kata Swadesh	110
Lampiran C : Surat kelulusan Menjalankan Kajian (Kementerian Pendidikan Malaysia)	112
Lampiran D : Surat kelulusan Menjalankan Kajian (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah)	113



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sabah merupakan negeri kedua besar di Malaysia selepas Sarawak yang terletak di utara pulau Borneo. Kepelbagaian kaum dan etnik serta budaya yang dimiliki oleh masyarakat di Sabah merupakan satu faktor yang amat mempengaruhi dalam penyelidikan bidang bahasa. Negeri Sabah mempunyai pelbagai jenis etnik dan salah satu etnik yang terbesar ialah etnik Kadazandusun diikuti dengan etnik Bajau dan etnik Murut. Namun bahasa-bahasa ibunda etnik masing-masing mengalami keterancaman seperti bahasa Murut yang kurang dokumentasi kebahasaan. Tambahan pula dengan negeri Sabah yang terkenal dengan dialek Melayu Sabah (DMS) yang mempunyai ciri-ciri istimewa yang tersendiri. Hal ini menjadikan isu dan topik perbincangan dalam kalangan generasi muda sehingga "dihebohkan" dalam media sosial. Hal ini ditemui dalam kalangan orang muda seperti "Youtuber" yang mempunyai keinginan untuk memperkenalkan kepada orang ramai identiti dialek Melayu Sabah (DMS) yang begitu unik.

Menurut Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012), dalam senario kebahasaan di Sabah, hanya wujud dialek Melayu Sabah (DMS), yakni suatu dialek yang tidak dimiliki sepenuhnya oleh bahasa Melayu baku sebaliknya, dialek Melayu Sabah itu merupakan cantuman dan gabungan, yakni "hasil perkahwinan" antara bahasa-bahasa etnik yang ada di Sabah dengan bahasa Melayu baku. Dengan demikian, struktur dan gaya bahasa dialek Melayu Sabah (DMS) akan semakin didalami agar masyarakat bukan sahaja bertutur bahasa ini malah juga mengenali dan mengetahui asal-usul bahasa ini.

Dalam penyelidikan ini, fokus utama penyelidikan diberikan kepada pilihan bahasa generasi muda Murut terhadap bahasa Murut serta penggunaannya dalam kalangan generasi muda. Selain meneliti pengaruh dialek Melayu Sabah (DMS)

terhadap bahasa dan penutur bahasa Murut, kajian ini turut meneliti perubahan dan pengaruh DMS terhadap kosa kata bahasa Murut. Menerusi peninjauan, setiap bahasa melalui perubahan dari semasa ke semasa disebabkan oleh transformasi budaya, sosial, dan politik. Perubahan ini juga dipengaruhi oleh kemajuan teknologi maklumat yang semakin canggih dan moden yang membawa pengaruh positif dan negatif.

Noor Aini Ahmad (2014) menjelaskan bahawa pembelajaran rentas budaya perlu disediakan seawal usia kanak-kanak. Hal ini bermaksud bahawa pendidikan seawal kanak-kanak, iaitu pendidikan dalam keluarga, memberi impak terhadap pembelajaran bahasa ini, khususnya apabila zaman teknologi yang sedia ada ini telah membawa dedahan yang ketara kepada generasi muda. Keadaan yang sebegini sememangnya menyebabkan perubahan bahasa baku yang amat ketara, khususnya bahasa-bahasa yang digunakan oleh bumiputera di Sabah.

1.2 Latar Kajian Bahasa di Sabah

Di Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa perpaduan negara, dan DMS digunakan secara menyeluruh di Sabah, justeru bahasa ibunda mungkin dipengaruhi secara langsung. Bahasa Melayu dikatakan muncul selepas bahasa Inggeris dan bahasa Cina diperkenalkan dalam bidang pendidikan di Sabah, namun dua bahasa terawal berkenaan tidak banyak mempengaruhi kosa kata bahasa ibunda masyarakat peribumi di Sabah jika dibandingkan dengan bahasa Melayu sebagai agen perubahan bahasa (Noor Aina Dani dan Syeril, 2016).

Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia sebenarnya mengalami pelbagai pengaruh termasuk pencampuran bahasa dan juga peminjaman bahasa-bahasa lain. Menurut Zaharani Ahmad *et al.* (2011), proses peminjaman terjadi apabila berlakunya pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain. Keadaan sedemikian juga disebabkan oleh penggunaan bahasa di Malaysia yang didapati pelbagai sifatnya. Namun, keadaan ini telah pun berlaku sejak penggunaan dwibahasa di Malaysia terutamanya sejak persekolahan lagi. Walaupun begitu, dalam kalangan generasi muda hari ini yang tidak begitu menitikberatkan ketulenan bahasa yang digunakan dan menggunakan bahasa

campuran mengikut keadaan semasa seperti komunikasi antara ahli keluarga ataupun dengan rakan sebaya.

Keadaan penggunaan bahasa di negeri Sabah juga unik. Penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan peribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik (Abd Hadi Borham *et al.*, 2016). Keunikan etnik-etnik yang berlainan di Sabah menyebabkan bahasa yang digunakan oleh masyarakat tempatan mengikut pelbagai peringkat umur, status sosial, jantina, dan bangsa juga berbeza. Oleh kerana komuniti pertuturan yang pelbagai dengan latar belakang sosiolinguistik, sosiobudaya dan sosioekonomi yang berbeza, DMS memaparkan variasi terutamanya dalam ciri fonologi dan strukturnya (Wong, 2012). Namun, keadaan ini telah menghasilkan suatu fenomena yang istimewa yang menyebabkan budaya bahasa di Sabah disebarluaskan melalui pelbagai aktiviti kebudayaan dan program kelestarian kebudayaan.

Keistimewaan penggunaan bahasa oleh masyarakat tempatan juga boleh ditemui melalui pertuturan DMS. Negeri-negeri Borneo menggunakan dialek Melayu sebagai *lingua franca* lama sebelum kedatangan penjajahan British. Namun keunikan DMS yang dituturkan telah mempengaruhi bahasa-bahasa etnik kerana DMS memperlihatkan ciri-cirinya yang tersendiri, yakni wujudnya masukan bahasa-bahasa etnik ke dalam DMS. Hal ini secara tidak langsung telah mencetuskan kewujudan keunikan di dalam DMS.

Kita dapat melihat bahawa bahasa telah memainkan peranan yang penting dalam kalangan bangsa terutamanya dalam mengikat perpaduan dalam suatu bangsa. Mengikut pandangan Ismail Ibrahim (2012), kaum Murut mementingkan kekeluargaan, justeru penempatan kaum ini dilakukan secara berkelompok yang terdiri daripada keluarga terdekat. Hal ini telah menambahkan keintiman antara mereka melalui setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam beberapa acara seperti acara perkahwinan, kematian dan perburuan. Oleh itu, keaslian budaya begitu menyerlah dalam kalangan beberapa suku kaum Murut di Sabah antaranya Murut Tahol, Murut Paluan, Murut Nabai, Murut Kolor, Murut Timugon, Murut Bookan, Murut Selungai, Murut Sembakung dan Murut Serudung. Di sini kita dapat melihat bahawa etnik Murut mempunyai hubungan ikatan persaudaraan yang amat kuat.

Menurut definisi daripada Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012), dalam kalangan orang Murut, mereka memperkenalkan diri sebagai orang Murut tetapi, dalam

konteks bahasa mereka menuturkan dialek-dialek Murut yang tersendiri. Mengikut catatan daripada Dayu Sansalu (2008), kumpulan penutur keluarga bahasa Murutik termasuk suku kaum Alumbis, Baukan, Gana, Kalabakan, Kwijau, Kolod, Lundayeh, Lun Bawang, Ngabai/Nabay, Okolor, Paluan, Selungai, Serudung, Sembangkung, Sumambu, Tagol/Tagal, dan Timugon. Kumpulan penutur keluarga bahasa Murutik yang berbeza juga disebabkan oleh faktor geografi yang membahagikan mereka mengikut lokasi dan kawasan yang berlainan.

1.3 Latar Masyarakat Murut

Etnik Murut adalah salah satu suku kaum peribumi di negeri Sabah yang merupakan golongan etnik yang ketiga besar selepas etnik Kadazandusun dan etnik Bajau. Namun demikian, penyelidikan terhadap etnik Murut khusus mengenai bahasanya adalah sangat kurang.

Seperti suku kaum yang lain, etnik Murut mempunyai budaya yang tersendiri tidak kira dari segi adat resam, perkahwinan, kematian, perayaan, pakaian, serta tarian dan adat-adat secara "mitos" yang diwarisi daripada nenek moyang hingga hari ini. Sebagai contoh, pada mulanya orang Murut merupakan penganut animisme yang percaya dalam roh-roh dan kuasa yang berkaitan dengan alam semula jadi. Namun pada era zaman globalisasi yang semakin moden sekarang, secara majoritinya orang Murut telah percaya dan menganut agama Kristian. Dalam statistik Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah pada tahun 2010, jumlah suku kaum Murut yang beragama Kristian adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 82105 orang. Ungkapan "agama dan budaya berpisah tiada" dapat memberikan gambaran tentang peri pentingnya kedua-dua elemen ini untuk bergerak seiringan agar dapat diamalkan dalam suasana yang damai dan harmoni (Abd Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd Mokhtar, 2017). Selain itu, kaum Murut pakar dalam memburu dan masih mengamalkan tradisi bertatu seperti kaum Iban di Sarawak. Walau bagaimanapun, tradisi ini semakin kurang diamalkan oleh generasi muda sekarang. Pekerjaan tradisional kaum Murut ialah petani, pemburu, dan penangkap ikan di sungai.

Terdapat suatu perkara yang amat istimewa tentang kehidupan suku kaum Murut iaitu mereka masih menjalankan kehidupan di kawasan pedalaman. Bagi menyara hidup keluarga, selain menjalankan aktiviti pertanian untuk mendapat

sumber makanan, orang Murut juga mahir dalam aktiviti berburu. Jarang sekali melihat orang Murut yang berjalan kaki tanpa anjing pemburu bersama dengan mereka.

Dari segi penginapan pula, walaupun kebanyakan orang Murut yang dahulunya menetap di rumah panjang, mereka mengguna pakai perumahan yang moden sekarang. Namun mereka masih mengekalkan satu elemen penting, iaitu "lansaran" yang dibina di Balai Raya kampung, dengan menggunakan kayu trampolin dengan menambah sentuhan khas untuk tujuan perayaan etnik Murut (Welman, 2011).

Bahasa Murut mempunyai dua dialek dan tiga subdialek yang berlainan disebabkan oleh kawasan tempat tinggal mereka yang dipisahkan oleh gunung-ganang (Normadiah Nassir *et al.*, 2017). Namun mereka masih lagi dikatakan saling memahami antara satu sama lain. Etnik Murut merupakan etnik yang ramai bilangannya jika dibandingkan dengan etnik peribumi Sabah yang lain. Namun mereka telah berhijrah disebabkan oleh peluang pekerjaan dan masalah ekonomi. Penghijrahan ke tempat baru turut meninggalkan kesan terhadap bahasa Murut kerana didapati banyak kosa kata pinjaman telah masuk ke dalam bahasa Murut khususnya daripada bahasa Melayu.

1.4 Latar Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Keningau, Sabah. Bilangan populasi di daerah Keningau mengikut banci penduduk ialah seramai 177735 orang (*Buku Tahunan Perangkaan Sabah*, 2015). Penduduk di daerah Keningau termasuk Melayu, Cina, Kadazandusun, Bajau, Murut, India, dan lain-lain. Keningau dipilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai populasi etnik Murut yang tertinggi jika dibandingkan daerah-daerah lain. Menurut banci yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah pada tahun 2010, jumlah penduduk etnik Murut yang berada di negeri Sabah sebanyak 102393 orang. Daerah Keningau mempunyai jumlah etnik Murut yang tertinggi iaitu seramai 29682 orang. Daerah kedua yang mempunyai populasi tinggi etnik Murut ialah daerah Tenom dengan jumlah 29169 orang dan ketiga ialah daerah Nabawan dengan jumlah 25096 orang. Walaupun populasi penduduk etnik Murut di Keningau bukan etnik majoriti kerana etnik yang tertinggi populasinya ialah

etnik Kadazandusun, namun daerah Keningau dipilih kerana kajian terhadap masyarakat Murut khusus berkait dengan bahasanya masih kurang dikaji.

Daerah Keningau pada suatu masa dahulu terkenal dengan pokok kayu manis atau lebih dikenali sebagai "Pokok Koningau" oleh penduduk tempatan. Kayu Koningau ini memang terkenal dalam kalangan penduduk tempatan sebagai bahan rempah dalam masakan sehingga mendapat jolokan "Raja Rempah Ratus". Kemasyhurannya telah menarik perhatian ramai saudagar-saudagar asing untuk memperdagangkannya di pasaran antarabangsa. Nama "Keningau" kemudiannya terus masyhur dan terkenal serta kekal sehingga ke hari ini sebagai sebuah daerah yang tertua dan terbesar di bahagian pedalaman. Aktiviti ekonomi asas yang terdapat di daerah ini ialah pertanian, perniagaan komersial, penternakan dan perindustrian. Pusat komersial di daerah ini adalah seperti Pekan Keningau, kawasan Apin-Apin, kawasan Bingkor dan kawasan Bandar Baru Keningau (*Laman Rasmi Pejabat Daerah Keningau, 2015*).

Daerah Keningau merupakan daerah pedalaman yang terbesar di negeri Sabah berbanding daerah-daerah pedalaman yang lain. Ini bermaksud jumlah migrasi yang ditumpukan di daerah Keningau adalah tinggi. Jika mengambil contoh aspek kemudahan kesihatan sahaja, daerah Keningau mempunyai Hospital Keningau, hospital dan klinik yang berdekatan akan merujuk kepada Hospital Keningau jika terdapat kes-kes kecemasan sebelum dirujuk hospital besar Queen Elizabeth di bandar Kota Kinabalu. Walaupun daerah Keningau belum lagi mempunyai skala tahap bandar tetapi daerah ini agak berkembang jika dibandingkan dengan daerah-daerah yang berdekatan seperti Tenom, Nabawan, Ranau, Tambunan.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan urusan secara rasmi yang melibatkan hal ehwal berkaitan dengan mahkamah dan kerajaan, kes-kes kecemasan, dan lain-lain perlu dirujuk kepada pihak kerajaan iaitu jabatan-jabatan yang berkaitan secara langsung untuk melaporkan keadaan dan situasi yang sebenar dan mempercepatkan proses pengurusan. Selain itu, untuk menikmati fasiliti dan kemudahan yang mempunyai tahap kepuasan maksimum, contohnya keperluan harian, kemudahan kebajikan, perkhidmatan kerajaan dan sebagainya, daerah Keningau menjadi pilihan utama khususnya bagi penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman. Pertembungan penduduk daripada pelbagai etnik yang tinggi di daerah ini menyebabkan etnik Murut berpotensi mengalami pelbagai pertembungan bahasa yang secara tidak langsung

membentuk bahasa campuran terutamanya bagi mereka yang berasal dari kawasan dan perkampungan pedalaman.

1.5 Permasalahan Kajian

Salah satu isu yang dibangkitkan dalam bidang bahasa ialah kesan bahasa yang bercampur aduk akibat daripada situasi multilingual yang wujud di Malaysia. Pencampuran bahasa merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan perbuatan yang mencampuradukkan lebih daripada satu bahasa. Oleh itu, pencampuran bahasa, percampuran kod, penukaran kod, perubahan kod, dan perpindahan kod merupakan istilah yang sering digunakan oleh para sarjana bahasa apabila berbicara mengenai perihal penggunaan bahasa yang bercampur aduk (Siti Rahimah Mustafa *et al.*, 2014). Tambahan pula, dengan pelbagai jenis bahasa yang digunakan di Malaysia, perkara ini telah kerap berlaku dalam masyarakat sehingga menjadi budaya mereka.

Pada masa yang sama, kewujudan pelbagai jenis aplikasi komunikasi mendorong komunikasi dan perhubungan antara manusia yang berbilang kaum, bahasa, dan negara tanpa sempadan. Situasi yang sebegini sebenarnya amat merisaukan mereka yang sedang mempertahankan prinsip jati diri bahasa. Kepesatan perkembangan media sosial telah membawa kesan yang amat besar. Menurut Kartini Abd Wahab (2018), kesan daripada pengaruh media sosial terhadap bahasa dari sudut positif, yakni wujud perubahan bukan sahaja berlaku dalam konteks bertambahnya kosa kata baharu, apabila terciptanya perkataan yang sinonim dengan aktiviti dalam media sosial, seperti swafoto (*selfie*), swafoto bersama (*wefie*), tuna foto (*photobomb*), sohor kini (*trending*), ciapan (*tweet*), tular (*viral*) dan lain-lain, malah media sosial juga menyumbang kepada proses perkembangan bahasa. Hal ini secara tidak langsung turut mempengaruhi pemilihan bahasa serta cara berinteraksi dalam kalangan generasi muda Murut.

Dominasi penggunaan DMS sebagai bahasa inter dan intra etnik turut menjadi faktor penentu pilihan penggunaan sepenuhnya bahasa Murut dalam kalangan etnik ini. DMS berperanan besar dalam proses interaksi luas kerana dialek ini difahami dan diketahui ramai apatah lagi dialek ini telah lama menerima banyak entri daripada suku-suku etnik di Sabah. DMS lebih digemari sebagai medium interaksi dalam